



Taklimat Pelan Tindakan Bencana Rekod



Posted on **March 4, 2024**

by **Perpustakaan Tengku Anis UiTM Kelantan Kampus Machang**




Unit Arkib Cawangan (UAC) Perpustakaan Tengku Anis (PTA) UiTM Cawangan Kelantan telah menjalankan Taklimat Pelan Tindakan Bencana Rekod pada 29 Februari 2024 (Khamis) bertempat di Bilik Seminar PTA. Taklimat ini melibatkan semua staf unit arkib PTA dan staf PTA. Turut hadir bersama Puan Alina Hussein, Timbalan Ketua Pustakawan PTA yang merupakan Ketua Unit Arkib. Taklimat telah disampaikan oleh Encik Mohd Waqiyuddin Mohd Dzulkifly dan Encik Mohd Ridzuan Ramlie, Pembantu Pustakawan Kanan.



Tujuan taklimat ini adalah:

1. Memberi penerangan terperinci mengenai tugas serta fungsi UAC kepada semua PTJ di setiap kampus
2. Memberi tunjuk ajar mengenai pengurusan rekod kepada semua
3. Memperluaskan perkhidmatan UAC mengenai pelupusan bahan, penyerahan rekod penting, klasifikasi fail serta sistem OFA kepada semua
4. Membuat pengauditan pengurusan rekod di setiap bahagian



Semoga melalui taklimat ini dapat memberikan pendedahan dan penerangan yang lebih terperinci kepada semua tindakan awal yang sepatutnya dilakukan bagi mengendalikan rekod apabila berlaku bencana untuk memastikan rekod dipelihara dengan selamat dan baik.

Disediakan oleh: Sazlina Saleh, Pembantu Pustakawan PTA UiTMCK Kampus Machang

POSTED UNDER KAMPUS MACHANG, UITM KELANTAN TAKLIMAT UNIT ARKIB
PELAN TINDAKAN BENCANA REKOD PENGURUSAN REKOD UNIVERSITI UITMCK
UNIT ARKIB CAWANGAN KELANTAN

**Sesi Libat Urus Unit Arkib
Cawangan Bersama
Perpustakaan Tengku Anis
Kampus Kota Bharu**

Wadah Ilmu: Tanyalah Ustaz Siri

1

